

# AT-TIJARAH

## TERMA & SYARAT

SEMAKAN DISEMBER 2025



**Wasiyyah**  
وصيه

### WASIYYAH SHOPPE BERHAD

200401012968 (651471-T)

A-G-07, Dataran Cascades, No, 13A, Jalan PJU 5/1,  
PJU 5 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan



WasiyyahShoppeBhd



TVWasiyyah

[www.wasiyyahshoppe.com.my](http://www.wasiyyahshoppe.com.my)

## TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN JENIS PERKHIDMATAN : AT-TIJARAH

### TERMA RUJUKAN

‘**Syarikat**’ merujuk kepada Wasiyyah Shoppe Berhad 200401012968 ( 651471 – T ) sebuah Syarikat Amanah berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949, organisasi yang berkepakaran di dalam pengurusan harta pusaka dan perancangan harta secara Syariah yang beralamat di A-G-07, Dataran Cascades, No 13A, Jalan PJU 5/1, Kota Damansara PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor atau apa-apa alamat perniagaan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa kepada **Pelanggan**.

‘**Pelanggan**’ merujuk kepada individu yang namanya tercatat di dalam KAD LEGASI, sijil perkhidmatan dan sistem **Syarikat**. **Pelanggan** ialah pihak yang telah membayar untuk mendapatkan perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dan langganannya kekal sah mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

## ISI KANDUNGAN

|     |                                                                                                                                     |    |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 1.  | PERUNTUKAN AM.....                                                                                                                  | 3  |
| 1.1 | MAKLUMAT AM .....                                                                                                                   | 3  |
| 1.2 | SYARAT LIABILITI .....                                                                                                              | 4  |
| 1.3 | TEMPOH BERTENANG .....                                                                                                              | 4  |
| 1.4 | APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DI DALAM TEMPOH TIGA PULUH HARI (30) HARI BEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN PAKEJ AT-TIJARAH. .... | 5  |
| 1.5 | CAJ PERUBAHAN UNIT SAHAM .....                                                                                                      | 7  |
| 1.6 | PENARIKAN BALIK HIBAH .....                                                                                                         | 7  |
| 1.7 | NOTIS PINDAAN .....                                                                                                                 | 7  |
| 1.8 | PROSES MENYIMPAN SELAMAT (SAFEKEEPING) DOKUMEN.....                                                                                 | 8  |
| 2   | DESKRIPSI MANFAAT .....                                                                                                             | 9  |
| 2.1 | PAKEJ YANG DITAWARKAN.....                                                                                                          | 9  |
| 2.2 | DOKUMEN YANG DISEDIAKAN .....                                                                                                       | 14 |
| 2.3 | AKAUN TABARRU' BAGI PERKHIDMATAN AT-TIJARAH KOMPREHENSIF .....                                                                      | 19 |
| 2.4 | DEKLARASI AMANAH ( <i>TRUST DECLARATION</i> ) .....                                                                                 | 20 |
| 2.5 | APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH WARIS SELEPAS KEMATIAN PELANGGAN ....                                                                 | 23 |
| 2.6 | PROSES RUNDINGCARA (KHUTBAH PUSAKA) WARIS .....                                                                                     | 24 |
| 2.7 | TANGGUNGJAWAB PELANGGAN.....                                                                                                        | 26 |
| 2.8 | TANGGUNGJAWAB SYARIKAT .....                                                                                                        | 28 |
| 3.  | CUKAI, LEVI ATAU OBLIGASI STATUTORI KERAJAAN .....                                                                                  | 28 |
| 4   | INDEMNITI SYARIKAT .....                                                                                                            | 29 |

## 1. PERUNTUKAN AM

### 1.1 MAKLUMAT AM

**At Tijarah** ialah perkhidmatan Pewarisan Perniagaan (*Business Succession Product*) yang diperkenalkan oleh **Syarikat**, bagi membantu Pemegang Saham Syarikat Sdn Bhd/Berhad di Malaysia dalam mewariskan saham-saham mereka kepada sesiapa yang dikehendaki.

Bagi mencapai tujuan ini, mana-mana salah satu, dua atau ketiga-tiga di antara **Dokumen Pengisytiharan Hibah, Perjanjian Pemegang Saham (*Shareholders Agreement*)** atau **Surat Ikatan Amanah (*Trust Deed*)** akan disediakan mengikut keperluan **Pemegang Saham**.

**Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini memperincikan tanggungjawab semua pihak yang terlibat bagi memastikan hasrat pewarisan saham pemegang saham yang dibuat melalui perkhidmatan ini akan tercapai.

Dari segi hukum syarak, saham syarikat yang telah diletakkan di bawah perkhidmatan **At-Tijarah** ini akan terkeluar daripada harta pusaka, tidak akan diagihkan dan tidak boleh dituntut oleh waris mengikut hukum faraid.

**Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini merujuk kepada tanggungjawab yang perlu ditanggung oleh kedua-dua pihak **Pelanggan** dan **Syarikat**. Apa sahaja yang terkandung di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah tertakluk kepada butiran di dalam “**Sijil Perkhidmatan**” yang disertakan bersama **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

## 1.2 SYARAT LIABILITI

Liabiliti **Syarikat** adalah bergantung kepada **Pelanggan** dalam memenuhi dan mematuhi **Terma dan Syarat Perkhidmatan** pakej ini.

## 1.3 TEMPOH BERTENANG

**Pelanggan** mempunyai tempoh bertenang (*cooling-off period*) **selama tujuh (7) hari** dari tarikh penghantaran **Terma dan Syarat Perkhidmatan**. Di dalam tempoh ini, **Pelanggan** mempunyai hak untuk membatalkan langganan perkhidmatan dengan menghubungi **CARELINE** di talian **03-76802000** dan juga dengan menghantar borang pembatalan ke **Pusat Perkhidmatan Pelanggan** dengan merujuk seperti di bawah :

### 1.3.1 Tempoh Bertenang "Cooling-off Period":

Tempoh bertenang adalah **tujuh (7) hari** dari penghantaran **Terma dan Syarat Perkhidmatan**. Jika berlaku pembatalan dalam tempoh tersebut, **semua** pembayaran yang diterima akan dikembalikan kepada **Pelanggan** dengan syarat Borang Pembatalan telah diterima oleh **Syarikat** dalam tempoh bertenang. Borang tersebut boleh dihantar sama ada secara tangan, pos ke pejabat **Syarikat**, atau e-mel rasmi **Syarikat**.

### 1.3.2 Selepas Tempoh Bertenang Tujuh (7) hari:

Jika berlaku pembatalan selepas tamat tempoh tujuh (7) hari yang diperuntukkan, **tiada** pemulangan wang akan dibuat.

### 1.3.3 Tempoh Bertenang Enam Puluh (60) hari untuk Perkhidmatan **At-Tijarah Amanah** dan **Komprehensif**:

**Pelanggan** diberi tempoh **enam puluh (60) hari** dari tarikh penghantaran **Terma dan Syarat Perkhidmatan** sekiranya ingin membatalkan langganan perkhidmatan. Jika berlaku pembatalan dalam tempoh tersebut, pemulangan sebanyak **50%** daripada jumlah pembayaran yang telah diterima akan dipulangkan kepada **Pelanggan** dengan syarat Borang Pembatalan secara bertulis telah diterima oleh **Syarikat** dalam tempoh tersebut. Borang tersebut boleh dihantar sama ada secara tangan, pos ke pejabat **Syarikat**, atau e-mel rasmi **Syarikat**.

### 1.3.4 Selepas Tempoh Tamat Enam Puluh (60) hari:

Jika berlaku pembatalan selepas tamat tempoh enam puluh (60) hari yang diperuntukan, tiada pemulangan wang akan dibuat.

### 1.3.5 Sebarang cukai, fi atau caj yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam klausa pemulangan wang ini.

## 1.4 **APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DI DALAM TEMPOH TIGA PULUH HARI (30) HARI BEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN PAKEJ AT-TIJARAH.**

Tarikh pendaftaran bermaksud tarikh pembayaran fi perkhidmatan pertama diterima oleh **Syarikat** dari saluran bayaran (*payment channels*) yang ditetapkan oleh **Syarikat**. Sebagai **Pelanggan**, anda akan menerima perkara berikut di dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja daripada tarikh

pendaftaran :

**1.4.1 Kad Legasi.** Kad ini disediakan sebagai balasan kepada bayaran yuran (fi) yang telah dibuat. Kad ini adalah **bukti sah** bahawa **Pelanggan** telah melanggan dengan pihak **Syarikat**. Kad akan terbatal jika didapati langganan perkhidmatan telah terbatal. Kad Legasi ini akan diberikan sekali seumur hidup kepada **Pelanggan**. Sebaiknya ia hendaklah disimpan di dalam dompet berserta dengan kad-kad lain seperti kad pengenalan dan kad bank. Apabila berlaku kematian kepada **Pelanggan**, waris perlu menghubungi **CARELINE** di **03-76802000** untuk mendapatkan perkhidmatan. Sekiranya terdapat **permohonan kali ke-empat** untuk cetakan semula kad, pihak **Syarikat** berhak mengenakan caj kepada **Pelanggan**.

**1.4.2 Dokumen Pengisytiharan Hibah** atau/dan **Surat Ikatan Amanah** atau/dan **Perjanjian Pemegang Saham** (mengikut keperluan **Pelanggan** dan tertakluk kepada serahan lengkap).

**1.4.3 Resit bayaran** untuk pendaftaran. Resit ini dihantar melalui emel sebagai bukti pembayaran telah diterima oleh pihak **Syarikat**.

**1.4.4 Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang menzahirkan secara terperinci spesifikasi perkhidmatan **Syarikat**. **Terma dan Syarat** ini boleh dihantar secara fizikal (pos) atau di e-mel kepada **Pelanggan**.

**1.4.5 Sijil Perkhidmatan.** Sijil ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan status langganan pakej pengurusan dan perancangan yang telah dilanggan.

*\*Sekiranya **Pelanggan** tidak menerima mana-mana daripada lima (5) perkara di atas, **Pelanggan** dikehendaki menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000**.*

## 1.5 CAJ PERUBAHAN UNIT SAHAM

Sekiranya terdapat perubahan dari segi jumlah unit saham **Syarikat** selepas **Pelanggan** melanggan **At-Tijarah**, **Pelanggan** bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada **Syarikat** mengenai perubahan pegangan saham tersebut dan **Syarikat** perlu meminda apa-apa dokumen yang telah disediakan mengikut keperluan terbaru pemegang saham dan mungkin terdapat caj dikenakan kepada **Pelanggan** mengikut kadar yang ditetapkan di dalam senarai harga **Syarikat**.

## 1.6 PENARIKAN BALIK HIBAH

Sekiranya terdapat apa-apa tindakan seperti melupus/mencagar/memindah milik saham kepada mana-mana pihak dilakukan oleh **Pelanggan** selepas melanggan **At-Tijarah**, tindakan ini perlu dimaklumkan secara bertulis kepada **Syarikat** bagi diambil apa-apa tindakan susulan/disediakan apa-apa dokumen yang bersesuaian oleh pihak **Syarikat**.

## 1.7 NOTIS PINDAAN

**1.7.1** Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini mengikat Waris-waris, Wasi, Pentadbir Harta Pusaka dan semua pihak yang berkepentingan.

**1.7.2** Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memberi nilai tambah (*value added*) kepada **Pelanggan**, **Syarikat** pada bila-bila masa boleh mengubah mana-mana **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dengan menghantar satu (1) notis bertempoh tiga puluh (30) hari melalui pos, sms atau emel kepada **Pelanggan**. Bukti penghantaran notis ini dianggap sebagai bukti penerimaan oleh **Pelanggan**.

**1.7.3** Sekiranya terdapat pelaksanaan baharu atau pindaan terhadap apa-apa cukai, fi, atau caj tambahan oleh Kerajaan pada masa kini atau pada masa hadapan yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan ini, semua bayaran tersebut adalah menjadi tanggungjawab **Pelanggan**. Sekiranya berlaku kematian sebelum bayaran tersebut dijelaskan, tanggungan berkenaan hendaklah diselesaikan oleh waris **Pelanggan** dan boleh dituntut daripada harta pusaka **Pelanggan**.

## **1.8 PROSES MENYIMPAN SELAMAT (SAFEKEEPING) DOKUMEN**

Penyimpanan selamat dokumen adalah bergantung kepada jenis pakej **At-Tijarah** yang diambil oleh **Pelanggan** iaitu sama ada **At Tijarah Pra**, **At Tijarah Amanah** atau **At Tijarah Komprehensif**. **Syarikat** boleh memilih untuk menyimpan selamat dokumen di dalam bentuk digital atau fizikal.

### **1.8.1 At-Tijarah Pra**

Dua (2) salinan dokumen asal disediakan dan kedua-duanya perlu disimpan selamat oleh **Pelanggan** sendiri. **Syarikat** tidak menyimpan mana-mana salinan asal.

### **1.8.2 At-Tijarah Amanah**

Dua (2) salinan dokumen asal disediakan di mana satu (1) salinan akan disimpan selamat oleh **Syarikat** manakala satu (1) salinan lagi akan disimpan selamat oleh pemegang saham.

### **1.8.3 At-Tijarah Komprehensif**

Dua (2) salinan dokumen asal disediakan. Satu (1) salinan akan

disimpan selamat oleh **Syarikat** manakala satu (1) salinan lagi akan disimpan selamat oleh pemegang saham.

## 2 DESKRIPSI MANFAAT

### 2.1 PAKEJ YANG DITAWARKAN

**2.1.1 Syarikat** menawarkan tiga (3) pilihan pakej **At-Tijarah** untuk pemegang saham iaitu **At-Tijarah Pra**, **At-Tijarah Amanah** dan **At-Tijarah Komprehensif**. (Sila rujuk **Sijil Perkhidmatan** bagi pengesahan pakej yang dilanggan oleh pemegang saham). **Syarikat** mempunyai tanggungjawab dan liabiliti kepada **Pelanggan** dan waris berdasarkan pakej yang dipilih seperti berikut:

| Spesifikasi Perkhidmatan                                                                      | At-Tijarah Pra                                                                                                           | At-Tijarah Amanah                                                                                                                                                                                                               | At-Tijarah Komprehensif                                                                                                                                                                                                         |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Perkhidmatan khidmat nasihat pewarisan saham <b>Syarikat</b> selepas kematian pemegang saham. | Khidmat nasihat diberikan percuma namun waris perlu hadir ke pejabat <b>Syarikat</b> pada hari dan waktu bekerja sahaja. | Khidmat nasihat diberikan percuma dan <b>Syarikat</b> akan menghantar kakitangan <b>Syarikat</b> untuk bertemu waris di mana-mana sahaja lokasi yang dikehendaki dan pada bila-bila masa sama ada hari bekerja atau cuti umum*. | Khidmat nasihat diberikan percuma dan <b>Syarikat</b> akan menghantar kakitangan <b>Syarikat</b> untuk bertemu waris di mana-mana sahaja lokasi yang dikehendaki dan pada bila-bila masa sama ada hari bekerja atau cuti umum*. |

|                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                              |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penyimpanan selamat dokumen<br><i>(safekeeping of document)</i>                                                                                                                                                                     | Dua (2) salinan dokumen asal disediakan dan kedua-duanya perlu disimpan selamat <i>(safekeeping)</i> oleh <b>Pelanggan</b> sendiri. <b>Syarikat</b> tidak menyimpan mana-mana salinan asal. Pemegang saham dengan ini mengindemniti <b>Syarikat</b> sekiranya kedua-dua salinan ini rosak atau hilang. | Dua (2) salinan dokumen asal disediakan. Satu (1) salinan akan disimpan selamat <i>(safekeeping)</i> oleh <b>Syarikat</b> manakala satu (1) salinan lagi akan disimpan selamat oleh pemegang saham.                       | Dua (2) salinan dokumen asal disediakan. Satu (1) salinan akan disimpan selamat <i>(safekeeping)</i> oleh <b>Syarikat</b> manakala satu (1) salinan lagi akan disimpan selamat oleh pemegang saham.                                                          |
| ➤ Tanggungan kos perundangan.<br><br>➤ Kos perundangan untuk proses pindahmilik saham termasuk ;<br><br>1. Kos perundangan untuk mendapatkan Perintah Pengesahan Hibah daripada Mahkamah Tinggi Syariah.<br><br>2. Kos yang mungkin | ➤ Penerima hibah saham <b>Syarikat</b> hendaklah menanggung segala kos yang akan dikenakan bagi proses perundangan di peringkat Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Tinggi Sivil serta proses pindah milik.<br><br>➤ Bagi <b>Pelanggan</b> yang melakukan                                             | ➤ Peruntukan untuk menanggung segala kos perundangan diperuntukkan daripada harta amanah pemegang saham seperti yang dinyatakan di dalam <b>Surat Iktan Amanah</b> berkenaan.<br><br>➤ Pemegang Amanah yang dilantik akan | ➤ Tiada sebarang kos perlu dikeluarkan oleh penerima hibah dan waris-waris yang berkepentingan terhadap saham tersebut tanpa mengira apa jumlah kos yang dikeluarkan bagi tujuan pewarisan saham.<br><br>➤ Kos perundangan ini tidak termasuk kos pengesahan |

|                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                   |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>dikenakan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Tinggi Sivil bagi mendapatkan perintah yang berkenaan.</p> | <p>akad Hibah di sistem usraHDD, <b>Penerima Hibah</b> faham bahawa <b>Penerima Hibah</b> perlu menggunakan perkhidmatan panel Peguam Syarie yang disediakan atau dilantik oleh <b>Syarikat</b>.</p> <p>➤ Penggunaan panel Peguam bagi memastikan kepatuhan penuh terhadap proses Pengesahan Hibah serta mengelakkan sebarang pertikaian ketidakselarasan atau risiko undang-undang.</p> <p>➤ <b>Syarikat</b> dianggap telah diindemniti sepenuhnya oleh <b>Penerima Hibah</b> sekiranya <b>Penerima Hibah</b> melantik mana-mana pihak ketiga bagi tujuan tersebut tanpa kebenaran bertulis daripada <b>Syarikat</b>.</p> | <p>menggunakan harta amanah seperti yang tertakluk di dalam <b>Surat Ikatan Amanah</b> berkenaan untuk dibayar kepada <b>Syarikat</b> untuk urusan pewarisan saham.</p> <p>➤ Tertakluk sama ada kos sebenar kurang dari jumlah peruntukan. Sekiranya kos sebenar melebihi jumlah peruntukan, lebihan kos akan ditanggung oleh penerima hibah dan waris-waris yang berkepentingan terhadap saham tersebut selepas proses pindah milik saham selesai dilaksanakan.</p> | <p><b>Perjanjian Pemegang Saham dan Surat Ikatan Amanah</b> di Mahkamah Tinggi Sivil (kecuali bagi nilai saham yang melebihi 3 juta ke atas).</p> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|



|                                                                                                                       |                                                                                                                                                                                                |                                                                                                                             |                                                                                                                                                    |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tanggungan kos statutori yang dikenakan kerajaan dari masa ke semasa.                                                 | Waris perlu menanggung sendiri segala kos statutori yang mungkin dikenakan kerajaan dari masa ke semasa.                                                                                       | Waris perlu menanggung sendiri segala kos statutori yang mungkin dikenakan kerajaan dari masa ke semasa.                    | Waris perlu menanggung sendiri segala kos statutori yang mungkin dikenakan kerajaan dari masa ke semasa.                                           |
| Kos untuk perubahan dokumen (jika ada) bagi keadaan penerima hibah meninggal dunia atau pemberi hibah ingin mengubah. | Rujuk senarai harga <b>Syarikat</b> .                                                                                                                                                          | Rujuk senarai harga <b>Syarikat</b> .                                                                                       | <b>PERCUMA</b> untuk Dokumen hibah sahaja. Untuk <b>Perjanjian Pemegang Saham/ Surat Iktan Amanah</b> , sila rujuk senarai harga <b>Syarikat</b> . |
| Caj perubahan dokumen atau penarikan hibah                                                                            | <b>Pelanggan</b> perlu membayar fi perubahan seperti yang ditetapkan oleh syarikat bagi tujuan di atas selepas akad hibah telah dilaksanakan untuk menyediakan dokumen-dokumen yang berkenaan. | <b>Pelanggan</b> tidak perlu membayar apa-apa fi perubahan selepas akad hibah telah dilaksanakan kecuali bagi fi statutori. | <b>Pelanggan</b> tidak perlu membayar apa-apa fi perubahan selepas akad hibah telah dilaksanakan kecuali bagi fi statutori.                        |

|                                                                                                                |                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| <p>Koordinasi dengan Setiausaha <b>Syarikat</b> Mengenai kaedah pewarisan. (<i>succession methodology</i>)</p> | <p>Kos rampaian (<i>disbursement</i>) akan dikenakan kepada penerima hibah atau waris berkepentingan terhadap saham sekiranya perkhidmatan <b>Syarikat</b> diperlukan.</p> | <p>➤ Kos rampaian (<i>disbursement</i>) ditanggung oleh PERUNTUKAN dari harta amanah pemegang saham.</p> <p>➤ Tertakluk sama ada kos sebenar kurang dari jumlah peruntukan. Sekiranya kos sebenar melebihi jumlah peruntukan, lebihan kos akan ditanggung oleh penerima hibah dan waris-warisan yang berkepentingan terhadap saham tersebut selepas proses pindahmilik saham selesai dilaksanakan.</p> | <p>PERCUMA</p> |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|

*\*Tertakluk kepada kebolehsediaan (availability) wakil **Syarikat**. Sekiranya lokasi/hari/waktu sesi rundingcara (consultation) bertembung (clash) dengan sesi rundingcara lain yang telah diminta lebih awal oleh waris-waris dari kes yang lain, waktu sesi rundingcara mungkin berubah. Khidmat rundingcara peribadi pengurusan harta pusaka dan pembacaan khutbah pusaka (sekali sahaja) akan dijalankan secara dalam talian melalui mana-mana platform komunikasi maya yang akan ditentukan oleh **Syarikat** dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, waris **Pelanggan** boleh memohon pelaksanaan khidmat rundingcara peribadi pengurusan harta pusaka dan pembacaan khutbah pusaka di mana-mana lokasi di Semenanjung Malaysia pada bila-bila masa yang dikehendaki waris (tertakluk kepada kebolehsediaan Pegawai **Syarikat** kecuali cuti Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidil Adha).*

## **2.2 DOKUMEN YANG DISEDIAKAN**

Dokumen yang disediakan oleh **Syarikat** ialah **Dokumen Pengisytiharan Hibah, Perjanjian Pemegang Saham dan Surat Ikatan Amanah** mengikut keperluan pelanggan. Perincian dokumen adalah seperti berikut:

### **2.2.1 Dokumen Pengisytiharan Hibah.**

2.2.1.1 Disediakan apabila **Pemegang Saham (shareholder)** ingin mewariskan sahamnya kepada **Penerima/Penerima-Penerima Hibah** (sesiapa yang dikehendaki oleh pemegang saham) .

2.2.1.2 **Penerima/Penerima-Penerima Hibah** boleh terdiri daripada sesiapa sahaja atau apa-apa organisasi dan tidak terhad hanya kepada waris atau individu sahaja.

2.2.1.3 Saham boleh dihibahkan kepada seorang atau beberapa orang **Penerima Hibah** tanpa had.

2.2.1.4 **Dokumen Pengisytiharan Hibah** akan disediakan mengikut peruntukan undang-undang Syariah .

2.2.1.5 Proses Pengesahan Dokumen Hibah di Mahkamah Tinggi Syariah akan dilakukan selepas kematian pemegang saham .

2.2.1.6 Pindahmilik saham (*transmission of shares*) di Suruhanjaya Syarikat Malaysia akan dibuat oleh **Pentadbir (Executor)** harta pusaka selepas perintah pengesahan hibah diperolehi daripada Mahkamah Syariah.

2.2.1.7 Adalah menjadi satu kesalahan (*an offense*) kepada **Pentadbir (Executor)** tidak memindahmilik saham (*transfer of shares*) atau melengah-lengahkan pindahmilik saham (*delaying the transfer of shares*) kepada nama penerima hibah seperti di dalam Perintah Pengesahan Hibah di dalam **klausula 2.2.1.6** di atas.

## **2.2.2 Surat Ikatan Amanah.**

2.2.2.1 Disediakan apabila **Pemegang Saham (shareholder)** inginkan supaya **Penerima/Penerima-Penerima Hibah** menerima saham bukan secara mutlak untuk dirinya sebaliknya menerima sebagai **pemegang amanah (trustee)** kepada benefisiari-benefisiari yang dikehendaki oleh **Pemegang Saham** semasa (*current shareholder*).

- 2.2.2.2 **Pemegang saham** semasa (*current shareholder*) boleh menetapkan jumlah dan siapa benefisiari/benefisiari-benefisiari dikehendaki. Benefisiari boleh terdiri daripada seorang individu atau beberapa orang individu atau organisasi atau kelas benefisiari (*class of beneficiary*).
- 2.2.2.3 **Surat Ikatan Amanah** boleh ditandatangani secara *ex-parte* (sebelah pihak) oleh **Pemegang Amanah** sahaja atau secara *inter-parte* iaitu di antara **Pemegang Saham** (*shareholder*) dan **Penerima Hibah** sahaja atau di antara **Pemegang Saham** (*shareholder*), **Penerima Hibah** dan benefisiari-benefisiari.
- 2.2.2.4 Menjadi satu kesalahan (*an offense*) kepada **Penerima/Penerima-Penerima Hibah** (yang juga bertindak sebagai **pemegang amanah**) sekiranya tidak menjalankan tanggungjawab seperti yang ditetapkan ke atasnya di dalam **Surat Ikatan Amanah**.
- 2.2.2.5 Benefisiari/benefesiari-benefisiari boleh mengemukakan tuntutan ke atas **Penerima/Penerima-Penerima Hibah** (yang juga bertindak sebagai **Pemegang Amanah**) di Mahkamah Tinggi Sivil di bawah tuduhan pecah amanah (*breach of trust*) sekiranya **Penerima/Penerima-Penerima Hibah** (yang juga bertindak sebagai **Pemegang Amanah**) gagal menjalankan tanggungjawab yang ditetapkan ke atasnya di dalam **Surat Ikatan Amanah** selepas proses pindahmilik saham (*transmission of shares*) ke atas nama **Penerima/Penerima-Penerima Hibah** telah dilaksanakan dengan sempurna (*fully and completely executed*).

### 2.2.3 Perjanjian Pemegang Saham (*Shareholders Agreement*)

2.2.3.1 Disediakan apabila kesemua **Pemegang Saham** (*shareholders*) untuk **Syarikat** bersetuju untuk memasuki satu perjanjian bagi menentukan bagaimana **Syarikat** akan diuruskan dari segi operasi bentuk perniagaan dan bagaimana agihan hasil dividen atau apa-apa sahaja hasil syarikat akan dibuat.

2.2.3.2 Di atas kehendak **Pemegang-Pemegang Saham**, di antara **Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang boleh dimasukkan ke dalam **Perjanjian Pemegang Saham** ialah (**Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini boleh ditambah atau dikurang mengikut keperluan **Pemegang-Pemegang Saham**):

2.2.3.2.1 Persetujuan semua **Pemegang Saham** (*shareholders*) untuk menerima pewaris saham kepada **Pemegang Saham** (*current shareholders*) yang lain yang telah dibuat mereka melalui **Dokumen Pengisytiharan Hibah** (jika ada) atau melalui kaedah-kaedah tertentu yang dipersetujui.

2.2.3.2.2 Persetujuan semua **Pemegang Saham** (*shareholders*) untuk menetapkan siapakah Jawatankuasa Pengurusan Syarikat (*Company's Management Committee*) (jika ada dan jika perlu) yang akan mewakili **Pemegang Saham** semasa (*current shareholders*). Kuasa Jawatankuasa Pengurusan Syarikat (*Company's Management Committee*) akan dipersetujui secara bersama oleh **Pemegang Saham** (*shareholders*) di dalam **Perjanjian Pemegang Saham** ini.

2.2.3.2.3 Persetujuan semua **Pemegang Saham** (*shareholders*) mengenai siapakah penandatanganan cek (*cheque signatory*) yang akan menandatangani cek **Syarikat** dan susunan penandatanganan cek gantian (*substitute cheque signatory*).

2.2.3.2.4 Apakah bentuk keputusan yang boleh dibuat Ahli Lembaga Pengarah secara kaedah undian majoriti mudah (*simple majority voting decision*) dan apakah bentuk keputusan yang hanya boleh dibuat dengan persetujuan sebulat suara (*unanimous decision*).

2.2.3.2.5 Apa-apa sahaja **Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang diperlukan oleh **Pemegang Saham** (*shareholders*) untuk menjaga kepentingannya.

2.2.3.3 **Perjanjian Pemegang Saham** mesti dipersetujui dan ditandatangani oleh semua **Pemegang Saham** (*shareholders*). Sekiranya terdapat mana-mana **Pemegang Saham** (*shareholders*) tidak bersetuju dan enggan menandatangani, **Perjanjian Pemegang Saham** tidak boleh dilaksanakan.

2.2.3.4 **Perjanjian Pemegang Saham** disediakan mengikut peruntukan undang-undang Sivil iaitu Akta Syarikat 1965. Peruntukan di dalam **Perjanjian Pemegang Saham** menetapkan bahawa apa sahaja **Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang dipersetujui oleh kesemua pemegang saham (*shareholders*) adalah dianggap sebagai sebahagian daripada 'Memorandum of Article' **Syarikat**.

- 2.2.3.5 Apa sahaja peruntukan **Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang dipersetujui bersama oleh **Pemegang Saham** (*shareholders*) akan mengikat pengarah yang mewakili **Pemegang Saham** berkenaan, wasi, pentadbir harta pusaka, waris dan semua pihak yang berkepentingan terhadap saham berkenaan.
- 2.2.3.6 **Syarikat** akan bekerjasama dan menasihati setiausaha **Syarikat** dan waris berkenaan kaedah pewarisan (*succession methodology*) di kalangan **Penerima/Penerima-Penerima Hibah** dan benefisiari/benefisiari-benefesiari.

## **2.3 AKAUN TABARRU' BAGI PERKHIDMATAN AT-TIJARAH KOMPREHENSIF**

**Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa sebanyak **sepuluh peratus (10%)** dari fi yang dibayar untuk perkhidmatan ini akan disumbangkan ke dalam satu **Akaun Tabarru'**. Di dalam konteks perkhidmatan ini, **Tabarru'** bermaksud derma ikhlas yang diberikan oleh **Pelanggan** mengikut kadar sumbangan yang ditetapkan iaitu **sepuluh peratus (10%)** dari fi perkhidmatan, tanpa meminta pertukaran atau balasan, untuk saling memberikan bantuan secara bersama di atas konsep *ta'awun* kepada **Pelanggan** lain yang turut sama menyumbang di dalam akaun berkenaan untuk tujuan menampung kos pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah ( jika perlu ).

## 2.4 DEKLARASI AMANAH ( *TRUST DECLARATION* )

**2.4.1 Pelanggan** dengan ini mengaku faham bahawa **Pelanggan** telah dijelaskan dengan sepenuhnya mengenai operasi, pelaksanaan dan pengurusan **Akaun Tabarru'** bagi perkhidmatan **At-Tijarah Komprehensif** ini. Atas sebab itu, **Pelanggan** dengan ini redha serta bersetuju bahawa **sepuluh peratus (10 %)** dari fi perkhidmatan yang dibayar **Pelanggan** akan disumbang ke dalam **Akaun Tabarru'** ini bagi tujuan seperti yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

**2.4.2 Pelanggan** faham bahawa **Syarikat** adalah sebuah entiti yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 serta mempunyai kuasa sebagai **Pemegang Amanah** di bawah peruntukan undang-undang untuk menguruskan **Akaun Tabarru'** sebagai **Pemegang Amanah** bagi pihak **Pelanggan**.

**2.4.3 Pelanggan** dengan ini faham dan bersetuju bahawa **Pelanggan** bersetuju melantik **Syarikat** sebagai **Pemegang Amanah** untuk **memegang secara amanah ( hold on trust )** bagi mengumpul dan mengurus sumbangan **Pelanggan** di dalam **Akaun Tabarru'** tersebut. **Pelanggan** juga faham dan bersetuju bahawa **Akaun Tabarru'** ini akan diuruskan secara kolektif oleh **Syarikat** bagi pihak semua **Pelanggan** yang lain.

**2.4.4 Syarikat** dengan ini bersetuju dengan pelantikan sebagai **Pemegang Amanah** bagi pihak **Pelanggan** bagi menguruskan **Akaun Tabarru'** ini dan mengaku janji untuk melaksanakan tanggungjawabnya selaras dengan peruntukan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

**2.4.5 Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa kesemua fi perkhidmatan yang ditetapkan **Syarikat** adalah dibayar di atas nama **Syarikat** dan dikreditkan ke dalam akaun operasi **Syarikat**. **Syarikat** kemudiannya bertanggungjawab untuk mengasingkan **sepuluh (10) peratus** dari fi perkhidmatan **Pelanggan** sebagai sumbangan ke dalam **Akaun Tabarru'** untuk dikreditkan ke dalam satu akaun berasingan sebagai Akaun Amanah ( *Trust Account* ).

**2.4.6 Akaun Tabarru'** ini kemudiannya akan diuruskan secara berasingan dari mana-mana akaun operasi **Syarikat** dengan tujuan utama digunakan mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini. **Akaun Tabarru'** ini juga adalah dikawalselia sepenuhnya oleh Jawatankuasa Amanah dan Pelaburan yang dilantik **Syarikat** dan diaudit secara berasingan dari akaun operasi **Syarikat**.

**2.4.7** Di dalam apa jua keadaan, **Syarikat** tidak akan menggunakan dana di dalam **Akaun Tabarru'** ini untuk apa-apa tujuan kecuali bagi tujuan seperti dinyatakan di dalam klausa 2.6 dan 2.7 di bawah sahaja.

**2.4.8 Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa apabila berlaku kematian kepada mana-mana **Pelanggan** dan proses pengesahan **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Perjanjian Nomini ( hartanah )**, **Syarikat** akan mendebit **Akaun Tabarru'** berdasarkan jumlah kos sebenar proses pengesahan **Surat Ikatan Amanah ( harta alih ) atau/dan Perjanjian Nomini ( hartanah )** berkenaan. Proses mendebit **Akaun Tabarru'** ini akan dibuat bagi tempoh dan pada tarikh yang ditetapkan **Syarikat**.

- 2.4.9 Pelanggan** dengan ini faham dan bersetuju untuk memberi kuasa penuh kepada **Syarikat** untuk menguruskan **Akaun Tabarru'** ini mengikut kaedah yang difikirkan sesuai oleh **Syarikat**.
- 2.4.10 Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa **Pelanggan** tidak akan menikmati apa-apa keuntungan peribadi yang dibayar secara terus kepadanya dari **Akaun Tabarru'** ini.
- 2.4.11 Pelanggan** faham bahawa **Pelanggan** tidak boleh menuntut sumbangan yang telah diberinya kepada **Akaun Tabarru'** dalam apa keadaan sekalipun kerana ia telah dianggap sebagai derma ikhlas.
- 2.4.12** Adalah dipersetujui bersama oleh **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa keseluruhan klausa 2.4 ini adalah dianggap sebagai **Deklarasi Amanah** (*trust declaration*) di antara **Pelanggan** dan **Syarikat** bagi melaksanakan tanggungjawabnya menguruskan **Akaun tabarru'** ini.
- 2.4.13** Selain dari kuasa dan tanggungjawab yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini, adalah diperakui bersama bahawa kuasa **Syarikat** sebagai **Pemegang Amanah** kepada **Akaun Tabarru'** ini adalah tertakluk sepenuhnya di bawah Akta Pemegang Amanah 1949.

**2.4.14 Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa sekiranya kesemua waris **Pelanggan** bersetuju dengan **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Perjanjian Nomini (hartanah)** yang dibuat **Pelanggan** dan tiada keperluan untuk proses pengesahan **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Perjanjian Nomini (hartanah)** dibuat di Mahkamah Tinggi Sivil, sumbangan **Pelanggan** ke dalam **Akaun Tabarru'** ini adalah derma ikhlas **Pelanggan** kepada **Akaun Tabarru'** bagi tujuan yang dinyatakan dan tiada sebarang pemulangan wang dari sumbangan **Pelanggan** akan dilakukan.

**2.4.15** Adalah dipersetujui bersama bahawa sekiranya **Pelanggan** memilih untuk membayar secara ansuran bagi perkhidmatan ini dan **Pelanggan** meninggal dunia dalam keadaan terdapat baki ansuran yang masih tertunggak, tanggungjawab untuk menyelesaikan baki ansuran tersebut ialah tanggungjawab **Benefisiari/Pemegang Amanah**. **Benefisiari/Pemegang Amanah** faham bahawa **Benefisiari/Pemegang Amanah** tidak berhak menikmati penggunaan **Akaun Tabarru'** sekiranya baki ansuran yang tertunggak ke atas perkhidmatan ini selepas kematian **Pelanggan** tidak dijelaskan sepenuhnya.

## **2.5 APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH WARIS SELEPAS KEMATIAN PELANGGAN**

Waris perlu menghubungi **Syarikat** di talian **CARELINE 03-7680 2000** bagi memaklumkan kematian **Pelanggan**. **Syarikat** akan menghantar wakil bertemu **Penerima/Penerima-Penerima Hibah**, **benefisiari/benefisiari-benefisiari** dan waris-waris pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai bagi memberi perkhidmatan rundingcara peribadi pengurusan harta pusaka dan pewarisan saham syarikat selepas

kematian **Pemegang Saham**.

Waris juga dinasihatkan tidak melantik (*engage*) mana-mana pihak ketiga bagi menguruskan pewarisan saham ini sebelum berbincang dengan **Syarikat**. Sekiranya tindakan ini diambil dan pewarisan saham tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang melalui dokumen-dokumen yang telah disediakan, waris dianggap telah mengindemniti **Syarikat**.

## 2.6 PROSES RUNDINGCARA (KHUTBAH PUSAKA) WARIS

Tertakluk kepada peruntukan di dalam **klausula 2.1 : Diskripsi Manfaat: Pakej Yang Ditawarkan, Syarikat** akan menghantar wakil bertemu **Penerima/Penerima-Penerima Hibah**, benefisiari/benefesiari-benefesiari dan waris-waris pada bila-bila waktu yang difikirkan sesuai bagi memberikan perkhidmatan rundingcara peribadi pengurusan harta pusaka dan pewarisan saham syarikat selepas kematian **Pemegang Saham**.

Tertakluk kepada peruntukan di dalam **klausula 2.1 : Diskripsi Manfaat: Pakej Yang Ditawarkan, Syarikat** akan mengkoordinasi proses pindahmilik saham (*transmission of shares*) bersama-sama setiausaha syarikat (*company secretary*) selepas kematian **Pelanggan** sehingga nama **Penerima/Penerima-Penerima Hibah** didaftarkan di atas saham-saham berkenaan. Koordinasi pindahmilik saham (*transmission of shares*) selepas kematian **Pemegang Saham** meliputi proses seperti berikut:

### 2.6.1 **Syarikat** akan membantu proses pindahmilik saham :

- 2.6.1.1 Melantik peguam syariah yang berkenaan bagi memulakan prosiding memohon Pengesahan Hibah Saham syarikat dan perbicaraan yang berkaitan dengan permohonan ini di Mahkamah Tinggi Syariah sehingga Perintah Pengesahan Hibah dikeluarkan.
- 2.6.1.2 Menasihati setiausaha syarikat (*company secretary*) mengenai prosedur dan proses pindahmilik saham syarikat **Pemegang Saham** selepas kematian **Pemegang Saham**.
- 2.6.1.3 Mengkoordinasi prosedur dan proses pindahmilik saham Syarikat daripada nama pentadbir/wasi (*Administrator/Executor*) di dalam **Surat Kuasa Mentadbir** (*Letter of Administration*) atau Geran Probet (*Grant of Probate*) kepada nama **Penerima Hibah** seperti yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah melalui perintah pengesahan hibah.
- 2.6.2 Tanggungan kos bagi proses di atas adalah tertakluk kepada pakej **At-Tijarah** yang dipilih **Pemegang Saham** seperti yang dinyatakan di dalam **klausu 2.1 : Diskripsi Manfaat: Pakej Yang Ditawarkan**.
- 2.6.3 Walaupun demikian, sekiranya selepas keseluruhan proses pindahmilik saham (*transmission of shares*) selesai dilaksanakan (*fully and completely executed*) dan saham sudah berpindahmilik ke atas nama **Penerima/Penerima-Penerima Hibah**, sekiranya terdapat proses perundangan yang timbul daripada ketidakpuasan hati mana-mana pihak (**Penerima/Penerima-Penerima Hibah** dan benefisiari/benefisiari-benefisiari), kos perundangan bagi proses perundangan berkenaan akan ditanggung oleh pihak-pihak yang terlibat berkenaan.

## 2.7 TANGGUNGJAWAB PELANGGAN

2.7.1 Bagi **Pelanggan** yang melanggan perkhidmatan **At-Tijarah Komprehensif** hanya tertakluk ke atas harta yang dihibah mengikut perkhidmatan ini sahaja dan bukan bagi keseluruhan harta pusaka **Pelanggan**. **Syarikat** hanya akan memberikan perkhidmatan pengurusan harta pusaka keseluruhan untuk **Pelanggan** sekiranya **Pelanggan** meninggal dunia di dalam keadaan **Pelanggan** adalah **Pelanggan** sah pakej pengurusan harta pusaka **Al-Wasitah Syarikat** atau tertakluk kepada mana-mana peruntukan pusaka (*allocation*) yang telah dibuat.

2.7.2 **Pelanggan** mempunyai tanggungjawab untuk memberikan dokumen sokongan kepada Dai'e untuk diserahkan kepada pihak **Syarikat** bagi proses dokumentasi.

2.7.3 Sekiranya dokumen sokongan **Pelanggan** tidak di serahkan kepada **Syarikat** dalam masa yang ditetapkan, **Pelanggan** bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat** dan sekiranya berlaku kematian kepada **Pelanggan**, produk tersebut akan dipindah kepada proses pengurusan pusaka sekiranya **Pelanggan** melanggan produk **At-Tijarah Pra**. Sekiranya terdapat kos melebihi caj perkhidmatan sebelum ini, waris perlu menanggung kos lebihan tersebut dan sekiranya waris tidak bersetuju, tiada pemulangan wang yang dibuat.

2.7.4 Sebarang cukai yang mungkin dikenakan terhadap harta atau/dan hartanah atau/dan Akaun milik **Pelanggan** tidak ditanggung oleh **Syarikat**.

- 2.7.5** Bagi penghantaran dokumen **Pelanggan** secara pos ke luar negara (selain dalam Malaysia), pihak **Syarikat** tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran. **Pelanggan** atau **Dai'e** perlu bertanggungjawab untuk menanggung sendiri kos penghantaran sehingga akhir proses penghantaran. Caj tertakluk kepada liabiliti **Pelanggan**.
- 2.7.6** Setelah Dokumen Simpanan **Pelanggan** diterima, **Pelanggan** perlu membuat pengesahan penerimaan dokumen simpanan dengan mengimbas **Kod QR Kaji Selidik** pada kad yang dilampirkan bersama dokumen simpanan.
- 2.7.7** Sekiranya **Pelanggan** mengalami kesulitan untuk mengimbas **Kod QR Kaji Selidik**, **Pelanggan** perlu mengisi kaji selidik secara bertulis pada belakang kad kaji selidik kemudian kembalikan semula kepada **Syarikat** melalui serahan tangan kepada **Dai'e** atau e-mel ke [telewasiyyah@wasiyyahshoppe.com.my](mailto:telewasiyyah@wasiyyahshoppe.com.my) atau hantar ke talian **WhatsApp CARELINE** 6014-986 1123 dalam tempoh **14 hari** setelah menerima dokumen simpanan. Ganjaran kaji selidik akan diberi kepada **Pelanggan** yang selesai membuat kaji selidik setiap bulan.
- 2.7.8** Sekiranya **Syarikat** tidak menerima sebarang maklumbalas kaji selidik melalui medium yang telah dijelaskan seperti di atas, pihak **Syarikat** beranggapan bahawa **Pelanggan** masih belum menerima dokumen tersebut. **Pelanggan** perlu membuat laporan kepada pihak **Syarikat** untuk semakan dan tindakan.

## 2.8 TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

Tanggungjawab **Syarikat** di dalam melaksanakan hak **Pelanggan** yang diperuntukkan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada tanggungjawab yang telah dilaksanakan **Pelanggan** di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

**Syarikat** mempunyai tanggungjawab dalam memastikan pengurusan data peribadi **Pelanggan** adalah berdasarkan 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi.

**Pelanggan** dan **waris** yang didaftarkan sahaja mempunyai akses untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan.

## 3. CUKAI, LEVI ATAU OBLIGASI STATUTORI KERAJAAN

- 3.1 Sebarang fi atau cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam harga produk, caj perkhidmatan atau amaun pemulangan wang.
- 3.2 Semua fi atau cukai Kerajaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh **Pelanggan**. **Syarikat** berhak mengenakan cukai tersebut kepada **Pelanggan** apabila fi atau caj tersebut berkuatkuasa.
- 3.3 Sekiranya terdapat cukai baharu diperkenalkan atau perubahan kadar cukai, **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa sebarang pertambahan fi akibat daripada perubahan tersebut akan diselaraskan dalam invois pembayaran berikutnya.
- 3.4 Amaun pemulangan wang yang diproses oleh **Syarikat** tidak termasuk fi atau cukai kerajaan. Caj tersebut kekal sebagai tanggungan **Pelanggan**

#### 4 INDEMNITI SYARIKAT

- 4.1 **Pemegang saham** dan waris-warisnya bersetuju bahawa sekiranya **Pemegang Saham** telah mengambil tindakan menambah jumlah unit saham yang dipegang, melupus keseluruhan atau sebahagian daripada saham yang dipegangnya, mencagar, memindahmilik saham kepada pihak ketiga atau apa-apa sahaja tindakan yang telah menyebabkan haknya ke atas saham berkenaan terlupus/terjejas/berubah dan tindakan ini tidak dizahirkan secara bertulis kepada **Syarikat** bagi disediakan dokumen-dokumen perubahan yang berkenaan, **Pemegang Saham** bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat** sekiranya hak **Penerima Saham** terjejas.
- 4.2 **Pemegang saham** dan waris-warisnya bersetuju bahawa sekiranya waris-warisnya mengambil tindakan mendapatkan sendiri perkhidmatan mana-mana pihak ketiga seperti peguam, syarikat amanah atau mana-mana pihak ketiga yang lain, bagi tujuan untuk membawa dokumen-dokumen yang telah disediakan oleh **Syarikat** di bawah perkhidmatan **At-Tijarah**, melalui proses perundangan sama ada di Mahkamah Tinggi Sivil, Mahkamah Tinggi Syariah, Pejabat Pusaka Kecil atau mana-mana ejensi yang berkaitan, selepas kematian **Pemegang Saham**, bagi tujuan proses pindahmilik saham (*transmission of shares*), dan tindakan ini dilakukan tanpa pengetahuan dan kebenaran bertulis daripada **Syarikat**, sekiranya dokumen-dokumen ini tidak dapat dilaksanakan mengikut seperti yang dimaksudkan, **Pemegang Saham** dan waris-warisnya bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat**.

- 4.3 **Syarikat, Pemegang Saham** dan waris-warisnya dengan ini bersetuju dan faham bahawa dokumen-dokumen yang telah disediakan di dalam pakej **At Tijarah** ini adalah bersesuaian, berkuatkuasa dan selari dengan undang-undang Sivil dan Syariah yang berkenaan ketika dokumen-dokumen ini disediakan. Sekiranya terdapat perubahan/pindaan undang-undang pada masa akan datang dan **Pemegang Saham** telah dimaklumkan secara bertulis oleh **Syarikat** supaya meminda dokumen-dokumen yang telah disediakan mengikut perubahan undang-undang yang berkenaan namun **Pemegang Saham** enggan/tidak berkesempatan untuk memindanya dan berlaku kematian kepada **Pemegang Saham, Syarikat** akan diindemniti sekiranya dokumen-dokumen yang telah disediakan tidak dapat dilaksanakan kerana perubahan/pindaan undang-undang berkenaan.
- 4.4 Bagi **Pemegang Saham** yang memilih pakej **At Tijarah Komprehensif**, tanggungjawab **Syarikat** ke atas tanggungan kos perundangan **selesai (Completed)** apabila Perintah Pengesahan Hibah diterima dari Mahkamah Tinggi Syariah.
- 4.5 Bagi **Pemegang Saham** yang memilih perkhidmatan **At-Tijarah Komprehensif, Pemegang Saham** perlu memastikan bahawa langganan perkhidmatan **Al-Wasitahnya** sentiasa sah (*valid*) (jika berkaitan). Sekiranya ketika kematian **Pelanggan**, langganan **Al-Wasitahnya** sudah tidak sah (*invalid*), **Syarikat** hanya bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan rundingcara percuma untuk urusan proses perundangan pindahmilik saham (*transmission of shares*) sahaja. Kos proses perundangan untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir/Geran Probet di Mahkamah Tinggi Sivil perlu ditanggung oleh **penerima/penerima-penerima hibah** atau benefisiari/benefisiari-benefisiari.

- 4.6 **Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang dinyatakan ini mengikat waris-waris, pentadbir harta pusaka dan kesemua pihak yang berkepentingan terhadap saham **pelanggan**.
- 4.7 Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak **pelanggan** dan **Syarikat** bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini mengikat waris-waris, wasi, pentadbir harta pusaka dan semua pihak yang berkepentingan.
- 4.8 Sekiranya semasa melanggan, **Pelanggan** memilih untuk membayar melalui skim ansuran **Syarikat** dan **Pelanggan** meninggal dunia sebelum semua bayaran ansuran perlu dijelaskan, baki jumlah (*total*) ansuran tertunggak perlu dijelaskan sepenuhnya (*in full*) oleh waris kepada **Syarikat**. **Syarikat** akan hanya memulakan prosiding perundangan berkaitan apabila bayaran ini telah dijelaskan sepenuhnya.
- 4.9 Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini mengikat waris-waris, wasi, pentadbir harta pusaka dan semua pihak yang berkepentingan. Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memberi nilai tambah (*value added*) kepada **Pelanggan**, **Syarikat** pada bila-bila masa boleh mengubah mana-mana **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dengan menghantar satu (1) notis bertempoh tiga puluh (30) hari melalui pos atau sms atau email kepada **Pelanggan**. Bukti penghantaran notis ini dianggap sebagai bukti penerimaan oleh **Pelanggan**.

---

**RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG**